

KELESTARIAN MOTIVASI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT GURU BAHASA ARAB DI ERA PENDIDIKAN DIGITAL

(Sustainability of Lifelong Learning Motivation of Arabic Teachers in The Era of Digital Education)

* Noor Shamshinar Zakaria¹, Nor Azhan Norul'Azmi²

Submitted: 29-Apr-2024
Accepted: 06-May-2024
Revised: 14-Jun-2024
Published: 30-Jun-2024

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Peradaban dan Pengajian Islam
Universiti Islam Selangor
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: shamsinar@uis.edu.my

Abstrak

Motivasi pembelajaran sepanjang hayat (PSH) memainkan peranan penting dalam mendorong seseorang untuk belajar secara berterusan bagi meningkatkan pengetahuan, keterampilan dan kefahaman dalam sesuatu perkara. Bagi seorang guru yang memiliki motivasi PSH akan sentiasa mencari peluang untuk belajar seperti melalui pembacaan, mengikuti kursus, menghadiri seminar dan sebagainya agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara professional, efektif, konsisten dan relevan sepanjang perkhidmatan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kelestarian motivasi PSH dalam kalangan guru Bahasa Arab (GBA) bagi menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital. Untuk tujuan ini, seramai 423 GBA sekolah rendah agama di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang terlibat dalam kajian ini sebagai responden. Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kuantitatif secara kaedah tinjauan dan menggunakan instrumen soal selidik untuk tujuan pengumpulan data. Data dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 24.0. Dapatan kajian menunjukkan tahap kelestarian motivasi PSH dalam kalangan GBA adalah tinggi, iaitu ($M = 4.38$, $SD = 0.653$). GBA menunjukkan sikap yang positif terhadap kelestarian motivasi PSH bagi menghasilkan kualiti pengajaran dan memastikan tahap profesionalisme keguruan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Implikasi kajian ini dapat dimanfaatkan oleh GBA, pihak sekolah dan organisasi pendidikan untuk merancang program-program pembelajaran, keperluan latihan dan kursus yang sesuai bagi kelestarian motivasi PSH GBA. Secara tidak langsung melahirkan barisan pendidik yang kreatif, inovatif, cekap dan bersemangat serta mampu bersaing mengikut keperluan semasa sejajar dengan keperluan zaman dan seiring dengan kehendak pendigitalan pendidikan.

Kata kunci: Kelestarian, Motivasi PSH, GBA, Pendidikan Digital

Abstract

Lifelong learning motivation (LLM) plays a crucial role in encouraging individuals to continuously learn to improve their knowledge, skills, and understanding of a subject. Teachers with LLM motivation always seek opportunities to learn, whether through reading, attending courses, seminars, etc., to enhance their knowledge and skills professionally, effectively, consistently, and relevantly throughout their service. Therefore, this study aims to identify the level of sustainability of LLM among Arabic language teachers (ALT) towards teaching quality in the digital education

era. For this purpose, a total of 423 ALT from religious primary schools under the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) participated as respondents in this study. The study was conducted using a quantitative approach through a survey method and utilizing a questionnaire instrument for data collection. Data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 24.0. The findings indicate that the level of sustainability of LLM among ALT is high, with ($M = 4.38$, $SD = 0.653$). ALT shows a positive attitude towards the sustainability of LLM's motivation to produce quality teaching and ensure that the level of teaching professionalism can be improved over time. The implications of this study can be used by ALT, schools and educational organizations in designing suitable learning programs, training needs and appropriate courses for the sustainability of ALT's LLM motivation. Indirectly producing a line of educators who are creative, innovative, efficient and enthusiastic and able to compete according to the current needs in line with the needs of the times and the needs of digitization of education.
Keywords: Sustainability, LLM, ALT, Digital Education.

1.0 PENGENALAN

Motivasi PSH merupakan elemen penting peningkatan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya dalam pendidikan era digital (PED). Menurut Nurul Farhana Jumaat (2018), tahap motivasi dan kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) para guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan PdP. Hal ini kerana kedua-dua elemen ini memfokuskan kepada usaha melahirkan insan yang mempunyai kemahiran komunikasi, kolaborasi serta pemikiran yang kritis dan kreatif. Selain itu, proses PdP melibatkan sumber daripada guru seperti pengetahuan dan kemahiran untuk mengembangkan diri dan meningkatkan kualiti pengajaran. Ibrahim, Marhaiza dan Ibrahim, Ahmad Zubir dan Maamor, Selamah dan Samsi, Aznita (2015) menyebut bahawa proses PdP perlu merentasi ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi supaya dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan murid dan juga melahirkan murid dengan pemikiran minda kelas pertama. Kaedah PdP perlu sentiasa diberi perhatian yang tinggi dan serius supaya setiap murid dapat memastikan daya saing murid seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Dalam kerjaya guru, motivasi PSH amat dituntut kerana dunia pendidikan pada hari ini sentiasa berubah seiring dengan pembangunan ekonomi, perkembangan teknologi dan peningkatan kompetensi. Perubahan sistem pendidikan pada masa kini memerlukan para guru mencari penyelesaian bagi penyesuaian dari pelbagai aspek termasuk tanggungjawab, beban tugas dan meningkatkan kualiti perkhidmatan supaya kepuasan kerja dapat dilihat dalam profesion mereka (Nor Mohamad Zulhairi Ismail, Jamalul Lail Abdul Wahab & Ruzita Md Hassan 2016). Kewujudan PED pula menambahkan lagi cabaran dan pelbagai bentuk pembaharuan dalam dunia pendidikan masa kini yang memerlukan kesediaan guru bagi menghadapi semua ini. Najwa Humaira' Mat Nor dan Nik Mohd Rahimi (2022) melaporkan guru memerlukan inovasi terhadap kaedah pengajaran yang berbentuk up to date seiring dengan perkembangan dunia semasa. Inovasi yang diwujudkan oleh guru memberi impak yang sangat besar dalam proses pembelajaran murid di sekolah. Kemunculan pelbagai inovasi dalam PdP telah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dalam kalangan murid. Murid dapat menggunakan pelbagai jenis aplikasi pembelajaran seperti Coursera atau Google Classroom bagi melaksanakan tugas pembelajaran.

Sehubungan itu, guru perlu sentiasa memiliki motivasi PSH untuk menampilkan kaedah pengajaran yang komtemporari dalam bidang pedagogi. Bagi meningkatkan keberkesanan PdP, fokus utama adalah kepada sifat peribadi guru yang mempunyai motivasi PSH yang tinggi dalam menghasilkan keberkesanan PdP. Motivasi PSH mempunyai hubungan yang positif dengan pembinaan pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai dalam diri guru yang dapat membawa perubahan dan keberkesanan dalam pelaksanaan PdP (Hazwani Hasami & Nor Aishah Buang, 2018). Konsep motivasi ini mempunyai matlamat yang tinggi dan murni bagi melahirkan guru yang mencintai ilmu dan sentiasa bersedia serta berusaha untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman (Norazwa Binti Ahmad Zolkifli @ Uda (2003). Terdapat dua jenis motivasi PSH yang dikaitkan dengan guru, iaitu motivasi intrinsik (MI) dan motivasi ekstrinsik (ME). MI melibatkan minat, sikap, semangat, kompetensi, komunikasi dan komitmen guru untuk meningkatkan kualiti diri, manakala ME disebabkan oleh persekitaran seperti kaedah pengajaran guru terkini, cabaran pendidikan alaf baru, kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan, amalan pedagogi bersama pendidik lain dan teknologi digital bagi tujuan perkongsian pengalaman serta persaingan sihat dalam kalangan warga guru (Rosezelenda Abdul Rahman 2020).

MI dan ME memainkan peranan bagi tujuan meningkatkan kompetensi pengetahuan, kemahiran dan membangunkan kerjaya guru melalui proses pembelajaran secara berterusan pada masa sekarang mahupun pada masa akan datang. Penglibatan guru dalam PSH ini bersesuaian dengan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) yang telah menggariskan bahawa profesionalisme keguruan adalah penguasaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme (KPM 2016). Kompetensi guru perlu sentiasa di perbaharui melalui penglibatan dalam PSH (Cetin & Cetin 2017) sama ada secara formal atau tidak formal agar kemahiran pengajaran kekal relevan (Kok 2014) khususnya dalam menghadapi PED. Motivasi PSH merupakan dorongan dalaman diri atau dorongan dari luaran atau persekitaran yang dapat mendorong guru untuk belajar secara berterusan bagi meningkatkan pengetahuan, keterampilan dan kefahaman dalam pengajaran. Menurut Noor Shamshinar dan Nor Azhan (2022), guru perlu mempunyai motivasi PSH bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara professional, efektif dan relevan sepanjang perkhidmatan. Guru yang memiliki motivasi PSH sentiasa mencari peluang untuk belajar sama ada melalui pembacaan, mengikuti kursus, menghadiri seminar dan sebagainya.

Dalam hal ini, guru perlu memastikan kelestarian motivasi PSH dapat dilaksanakan. Rosezelenda Abdul Rahman (2020) menjelaskan motivasi PSH membantu guru untuk memperolehi pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan latihan dan pengalaman di tempat kerja. Terdapat beberapa faktor tentang kepentingan motivasi PSH kepada guru (Rosezelenda Abdul Rahman 2020), iaitu guru harus melihat pembelajaran sebagai peluang untuk mengembangkan diri dan meningkatkan kualiti pengajaran, mencari pengetahuan baharu serta sumber-sumber pembelajaran baharu dalam bidang pendidikan. Selain itu, guru juga perlu berusaha memperluas kefahaman tentang subjek yang diajar, terbuka terhadap perubahan dan pembaharuan dalam metod pengajaran, mengadaptasi pendekatan baharu bagi meningkatkan keberkesanan PdP, berkolaborasi dengan pihak lain atau rakan-rakan guru melalui perkongsian idea, pengalaman dan pengetahuan untuk meningkatkan keterampilan pengajaran. Guru disaran untuk menetapkan misi dan visi yang jelas serta merencanakan langkah-langkah yang lebih baik bagi meningkatkan diri mereka sebagai pendidik dan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih baik kepada murid. Hal ini selari dengan kewujudan PED pada masa kini yang menekankan prestasi pengajaran terbaik dalam kalangan guru bagi meningkatkan tahap kompetensi pengajaran.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kewujudan PED telah menyebabkan pelaksanaan PdP norma baharu yang memberi pelbagai perubahan besar kepada kerjaya guru. Menurut Ngongo, V. L., Hidayat, T. dan Wiyanto, W. (2019), perkembangan PED yang semakin melonjak tinggi tidak dapat tidak menuntut setiap guru mampu mengintegrasikan TMK dalam aktiviti PdP. Guru diseru untuk bersedia dari aspek motivasi dan kekuatan diri supaya sentiasa mempunyai sikap keterbukaan, keinginan untuk meneroka ilmu dan kemahiran baharu. Tawan, A., Nazarudin, M. N., Noordin, Z., Tu, M. M., & Watinin, N. (2020) turut menyatakan bahawa bidang pendidikan juga telah menjadi semakin moden dan perlu menghadapi cabaran dunia yang semakin berkembang pesat. Hal ini perlu diambil peduli oleh guru sebagai satu tanggungjawab supaya kualiti proses PdP dan hasil pembelajaran menjadi lebih baik sehingga semakin hari dapat meningkatkan kualiti pendidikan keseluruhannya. Guru perlu mahir dalam integrasi TMK, berpengetahuan tinggi dalam bidang yang diajar, mahir dalam pedagogi,

berkemahiran dalam mengurus, berkemahiran dalam komunikasi, berkemahiran dalam psikologi, berkemahiran berbahasa Inggeris, bermotivasi tinggi, kreatif, proaktif, kompeten, integriti dan legaliti yang menuntut agar guru sentiasa bergerak ke hadapan (Nor Mohamad Zulhairi Ismail et al., 2016).

Namun, tanpa kelestarian motivasi PSH boleh membawa kesan yang negatif kepada tugas pengajaran guru. Merujuk Bashah, M. A., dan Zulkifli, H. (2022), terdapat guru-guru yang kurang mengintegrasikan teknologi maklumat dalam PdP. Tahap kesediaan guru terhadap penggunaan teknologi dari aspek pengetahuan adalah pada peringkat sederhana. Sylviano Abu Bakar dan Hasmadi Hassan (2019) turut menyokong bahawa tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan teknologi digital adalah sederhana. Hal ini menunjukkan banyak isu dan cabaran yang wujud dalam usaha guru-guru untuk menerapkan PED dalam PdP. Isu-isu ini memberi gambaran tentang cabaran motivasi PSH dalam kalangan guru. Rosezelenda Abdul Rahman (2020) mendedahkan tahap motivasi PSH yang rendah dalam kalangan guru adalah berpunca dari seseorang guru itu sendiri mahupun disebabkan oleh faktor organisasi mereka. Terdapat kajian mengenai isu tentang penjawat awam termasuk golongan guru yang kurang mentaliti dalam perkhidmatan yang dikatakan lebih berminat berkhidmat untuk diri sendiri daripada berkhidmat kepada orang awam. Kajian tersebut mensyorkan golongan guru seharusnya diberi dorongan, peluang dan ruang untuk meningkatkan amalan terbaik dan mengikuti kursus pemantapan profesionalisme, seminar, webinar, kolokium dan sebagainya agar kerja yang dilakukan selaras dengan tanggungjawab dan profesion seorang guru (Norazlinda & Surendran 2019).

Kaedah baharu yang terkandung dalam PED turut menuntut para guru untuk melakukan tugas, menghasilkan idea-idea baru serta menunjukkan inovasi dalam pekerjaan. Malahan, murid generasi abad ke 21 yang berkemahiran teknologi memerlukan bimbingan guru yang mahir menggunakan teknologi dalam pengajaran mereka. Oleh itu, guru harus memperharui pengetahuan mereka dari segi kandungan kurikulum dan kompetensi dari segi pedagogi PdP (KPM 2015b) yang meliputi pembangunan peribadi dan pembangunan profesion keguruan. Hal ini bukan sesuatu yang baharu dalam kalangan guru, malahan merupakan strategi dalam Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Malaysia (KPM 2013). Kelestarian motivasi PSH menjadi faktor utama yang dapat menyingkap semua peranan dan tanggungjawab guru bagi menghasilkan PdP yang berkesan selari dengan PED. Walau bagaimanapun, kekurangan maklumat dan kajian tentang kelestarian motivasi PSH dalam kalangan guru menyebabkan isu ini kurang diberi perhatian. Penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan keperluan untuk menambah bilangan penglibatan guru dalam PSH bagi melaksanakan pengajaran yang berkesan dan mempunyai sikap yang positif dalam menyesuaikan diri dengan segala bentuk perubahan dan cabaran yang berlaku dalam PED. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti kelestarian motivasi PSH dalam kalangan GBA bagi menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dikemukakan, maka objektif kajian ini adalah untuk:

Mengenal pasti tahap kelestarian motivasi PSH dalam kalangan GBA bagi menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif secara kaedah tinjauan. Tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan GBA bagi mendapatkan data-data terperinci yang diperlukan dalam kajian ini. Data-data ini diperolehi melalui instrumen soal selidik yang dibentuk berdasarkan Skala Likert yang diedarkan kepada seramai 423 GBA sekolah rendah agama di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai responden. Terdapat dua sub konstruk berkaitan motivasi PSH, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik untuk mendapatkan maklumat tentang tahap kelestarian motivasi PSH GBA bagi menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital. Lokasi kajian ini dijalankan di tiga jenis sekolah rendah agama di 9 daerah di Selangor, iaitu Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) dan sekolah agama Kelas Agama Fardhu Ain Integrasi (KAFAI). Kesemua data yang diperolehi telah diproses dengan menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 24.0.

5.0 DAPATAN

Tahap kelestarian motivasi PSH GBA dalam kajian ini dikira dengan nilai purata. Analisis deskriptif dalam kajian ini melibatkan nilai min, sisihan piawai, minimum dan maksimum. Dapatan kajian menunjukkan tahap kelestarian motivasi PSH dalam kalangan GBA adalah tinggi, iaitu ($M = 4.38$, $SD = 0.653$). Jadual 1.1 menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap kelestarian motivasi PSH GBA bagi menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital.

Jadual 1.1 Tahap Kelestarian Motivasi Pembelajaran Sepanjang Hayat

Konstruk/Sub-konstruk/Indikator	Min	Sisihan piawai	Tahap
Motivasi Pembelajaran Sepanjang Hayat	4.38	0.653	Tinggi
Motivasi Intrinsik	4.38	0.641	Tinggi
Motivasi Ekstrinsik	4.38	0.665	Tinggi

Nota: Rendah = 1.00-2.33, Sederhana = 2.34-3.66, Tinggi = 3.67-5.00. Sumber: Awang et al. (2019)

Berdasarkan Jadual 1.1., tahap kelestarian motivasi PSH dalam kalangan GBA adalah tinggi ($M = 4.38$, $SD = 0.653$). Nilai min skor bagi setiap sub-konstruk motivasi PSH juga adalah tinggi; motivasi intrinsik ($M = 4.38$, $SD = 0.641$) dan motivasi ekstrinsik ($M = 4.38$, $SD = 0.665$). Jadual 1.2 menunjukkan analisis dapatan MI dalam menentukan tahap kelestarian motivasi PSH GBA bagi menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital.

Jadual 1.2 Tahap Kelestarian Motivasi Intrinsik PSH GBA

Konstruk/Sub-konstruk/Indikator	Min	Sisihan piawai	Tahap
Motivasi Intrinsik	4.38	0.641	Tinggi
Mempunyai semangat untuk meningkatkan kualiti diri.	4.61	0.525	Tinggi
Mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi.	4.44	0.620	Tinggi
Mempunyai komitmen kepada pembelajaran seumur hidup.	4.42	0.651	Tinggi
Mempunyai kemahiran menggunakan komputer dan laman sesawang.	4.36	0.652	Tinggi
Meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan teknologi ICT.	4.27	0.691	Tinggi
Meningkatkan kemahiran literasi untuk memproses maklumat.	4.31	0.631	Tinggi

Skor min tertinggi bagi tahap kelestarian motivasi intrinsik PSH GBA ialah mempunyai semangat untuk meningkatkan kualiti diri ($M=4.61$, $SD=0.525$), diikuti mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi ($M=4.44$, $SD=0.620$), mempunyai komitmen kepada pembelajaran seumur hidup ($M=4.42$, $SD=0.651$), mempunyai kemahiran menggunakan komputer dan laman sesawang ($M=4.36$, $SD=0.652$), meningkatkan kemahiran literasi untuk memproses maklumat ($M=4.31$, $SD=0.631$) dan skor min yang terendah ialah meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan teknologi ICT ($M=4.27$, $SD=0.691$) walaupun ia dikategorikan sebagai tinggi. Kesemua skor min menunjukkan tahap tinggi.

Jadual 1.3 pula menunjukkan analisis dapatan ME dalam menentukan tahap kelestarian motivasi PSH GBA bagi menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital.

Jadual 1.3 Tahap Kelestarian Motivasi Ekstrinsik PSH GBA

Konstruk/Sub-konstruk/Indikator	Min	Sisihan piawai	Tahap
Motivasi Ekstrinsik	4.38	0.665	Tinggi
Menerima perubahan dan cabaran pendidikan alaf baru.	4.43	0.608	Tinggi
Meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan.	4.48	0.571	Tinggi
Menggunakan teknologi digital bagi tujuan perkongsian pengalaman.	4.36	0.637	Tinggi
Mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan warga pendidik.	4.43	0.592	Tinggi
Mewujudkan kerjasama guru secara profesional bagi tujuan bertukar pengetahuan dan pengalaman.	4.47	0.583	Tinggi

Analisis dapatan bagi tahap kelestarian motivasi ekstrinsik PSH GBA bagi menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital menunjukkan skor min tertinggi bagi tahap ME ialah meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan ($M=4.48$, $SD=0.571$), diikuti dengan mewujudkan kerjasama guru secara profesional bagi tujuan bertukar pengetahuan dan pengalaman ($M=4.47$, $SD=0.583$), menerima perubahan dan cabaran pendidikan alaf baru ($M=4.43$, $SD=0.806$), mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan warga pendidik ($M=4.43$, $SD=0.592$). Manakala skor min yang terendah ialah menggunakan teknologi digital bagi tujuan perkongsian pengalaman ($M=4.36$, $SD=0.637$) walaupun ia dikategorikan sebagai tinggi. Kesemua skor min menunjukkan tahap tinggi.

6.0 PERBINCANGAN

GBA yang terlibat dalam kajian ini memberikan konsepsi bahawa kelestarian motivasi PSH yang terdiri daripada MI dan ME merupakan dua elemen utama dalam menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital. Sebagai guru, GBA perlu sentiasa mempunyai motivasi PSH supaya dapat bersedia dengan pelbagai cabaran pendidikan masa kini. Mereka harus mengenyepikan cabaran-cabaran PED yang menjadi penghalang dalam melaksanakan PdP yang berkesan. Mereka akur dengan tuntutan PED dalam melahirkan GBA yang celik teknologi dan menghasilkan guru yang kreatif serta berinovasi. Hal ini selari dengan pernyataan Nor Mohamad Zuhairi Ismail et al. (2016) bahawa penguasaan aplikasi digital dalam PdP menjadikan guru-guru lebih berkeyakinan ketika menyampaikan pelajaran dan membangkitkan keseronokan belajar dalam kalangan murid. Faktor semangat untuk meningkatkan kualiti diri merupakan salah satu elemen penting yang dapat melestarikan motivasi PSH GBA. Kajian oleh Norazlinda dan Surendran (2019)

menyatakan bahawa individu yang sentiasa mempunyai semangat yang tinggi untuk belajar merupakan antara faktor atau penyebab bagi mereka mempamerkan mutu kerja cemerlang. Motivasi PSH sememangnya wujud dalam diri individu yang tahu akan potensi diri mereka. Dalam konteks kajian, GBA memberikan konsepsi yang positif bahawa motivasi PSH membolehkan mereka sentiasa mempunyai semangat ke arah mutu pencapaian PdP, kemahiran berkomunikasi, menggunakan komputer dan laman sesawang di samping meningkatkan kemahiran literasi untuk memproses maklumat.

Kajian juga mempamerkan GBA mempunyai tahap kelestarian motivasi PSH yang baik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan. Rosezelenda Abdul Rahman (2020) menjelaskan salah satu amalan yang terbaik bagi membolehkan peningkatan profesionalisme keguruan termasuk melibatkan diri dalam PSH. Penglibatan dalam PSH adalah salah satu usaha GBA untuk meningkatkan kualiti profesionalisme guru (Norazlinda & Surendran 2019) kerana PSH menyediakan platform kepada guru bekerjasama sesama mereka secara profesional, mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan warga guru bagi tujuan bertukar pengetahuan serta pengalaman, menerima perubahan dan cabaran pendidikan alaf baru. Semua ini dapat dicapai melalui inisiatif GBA sendiri bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran, keyakinan serta melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan lebih berkesan dalam kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, GBA masih mempunyai tahap motivasi PSH yang rendah dalam aspek kemahiran menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan teknologi ICT dan penggunaan teknologi digital. Hal yang demikian kerana aplikasi teknologi ICT memerlukan kemahiran yang tinggi dan kepakaran dalam penggunaannya. GBA memerlukan tempoh masa yang lama untuk menguasai kemahiran menggunakan teknologi digital yang merupakan satu pendekatan baharu dalam PED. Menurut Tawan et al. (2020), sesuatu pengetahuan dan kemahiran perlu difahami dan dikuasai sehingga mahir supaya dapat digunakan secara total dalam pelaksanaan PdP. Melalui PSH, pelbagai pengetahuan dan kemahiran dapat dipelajari dan diperolehi. Menurut Zurani Buang dan Mohamad (2019), penglibatan guru dalam PSH memberi impak yang maksimum terhadap tugas guru seperti peningkatan kemahiran kerja dapat dilaksanakan dan amalan pendidikan yang berkualiti. Oleh itu, dalam usaha untuk menambah baik ilmu dan kemahiran dalam pengajaran khususnya di era pendidikan digital, kelestarian motivasi PSH perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Amalan pengajaran terbaik dapat memberi manfaat kepada murid dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan keterampilan. Maka, setiap guru hendaklah sentiasa mempunyai semangat dan motivasi untuk membangunkan kebolehan sendiri, menambahbaik keadaan sedia ada serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan.

Beberapa cadangan untuk memastikan kelestarian motivasi PSH dalam kalangan GBA sepertimana berikut:

- i- Pelbagai perubahan dalam PED berkembang dengan cepat dan terdapat pelbagai teknologi baharu telah muncul dalam dunia pendidikan yang menimbulkan rasa ketakutan dan kegusaran dalam kalangan guru. Oleh itu, menjadi satu kewajipan kepada guru untuk mengembangkan keterampilan literasi digital dan belajar secara berterusan. GBA tidak seharusnya takut untuk mencuba teknologi baharu dan perlu bersikap terbuka terhadap perubahan PED.
- ii- GBA boleh melakukan beberapa aktiviti digital bagi menambahkan kemahiran interaksi sosial dengan rakan sekelas mahupun tenaga pengajar. Guru boleh memotivasikan diri, berkomunikasi secara *online* atau forum diskusi dan kolaborasi bersama-sama dengan rakan sekelas yang

- mempunyai minat dan tujuan yang sama melalui platform pembelajaran *online*.
- iii- Tidak dinafikan aplikasi digital menyebabkan guru perlu menghabiskan terlalu banyak waktu di hadapan skrin komputer yang boleh menyebabkan keletihan digital serta mengurangkan motivasi dan fokus. Oleh yang demikian, guru perlu mengatur jadual yang seimbang antara belajar secara *online* dan kegiatan luar serta meluangkan masa untuk berehat, tidur yang cukup dan melakukan kegiatan yang selesa.
 - iv- Motivasi PSH menekankan aspek kebertanggungjawaban penuh ke atas kemajuan peribadi diri. Beberapa perkara yang perlu diikuti ialah menetapkan tujuan yang jelas, membuat rencana belajar yang sistematik, memantau kemajuan diri secara teratur serta mencari mentor atau rakan yang dapat memberi sokongan dan akuntabiliti.
 - v- GBA perlu mempunyai tahap motivasi diri sendiri dalam PSH dengan cara mengenal pasti tujuan jangka pendek dan jangka panjang yang spesifik dan realistik. GBA boleh mencari sumber inspirasi dan motivasi melalui buku, podcast atau video motivasi yang membolehkan guru menghargai pencapaian kecil yang dilakukan serta meraikan kemajuan yang telah dibuat.
 - vi- Dalam menghadapi cabaran PED, penting bagi GBA untuk tetap fleksibel, berfikiran terbuka terhadap setiap perubahan dan berkomitmen untuk pengembangan peribadi yang unggul. Sekiranya guru memiliki pemikiran yang positif dan beradaptasi dengan perkembangan teknologi akan membantu GBA sentiasa termotivasi dalam PSH di era digital.
 - vii- Kewujudan PED seharusnya selari dengan tujuan untuk mencapai matlamat hidup manusia iaitu kebahagiaan dunia dan akhirat. Penerapan nilai-nilai Islam perlu ditingkatkan untuk menguatkan nilai kerohanian dalam diri GBA bagi menghasilkan keberkesanan dan kecemerlangan dalam profesion guru serta pembentukan peribadi diri guru. Usaha ini memerlukan motivasi PSH yang dapat membantu kefahaman guru untuk menjalani latihan agar pengaruh negatif seperti kurang berminat dengan aplikasi dalam talian dan menganggap aplikasi teknologi telah memberi banyak masalah kepada mereka dapat dihindarkan.

7.0 RUMUSAN

Rumusannya, GBA mempunyai tahap kelestarian motivasi PSH yang tinggi dalam usaha menghasilkan kualiti pengajaran di era pendidikan digital. GBA cenderung mengekalkan motivasi PSH khususnya terhadap dimensi bidang tugas pengajaran, motivasi peningkatan profesional keguruan, motivasi mencuba kemahiran baharu dan kepuasan kerja. Kelestarian motivasi PSH ini dapat meningkatkan kredibiliti dan keterampilan GBA dalam menjalankan tugas sebagai guru yang dinamik. Kelestarian motivasi PSH juga dapat mempengaruhi dimensi-dimensi yang lain seperti kecerdasan emosi guru, dimensi mengawal sendiri, dimensi motivasi, empati dan kemahiran sosial. Seterusnya, GBA dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran, keyakinan dan kesediaan GBA untuk melaksanakan PdP dengan lebih berkesan di era pendidikan digital sebagai penjana transformasi PED abad ini.

8.0 RUJUKAN

- Bashah, M. A., & Zulkifli, H. (2022). Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Penerapan Pendidikan Digital [Issues and Challenges of Islamic Education Teachers in The Implementation of Digital Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(1), 43-55.
- Cetin, S., & Cetin, F. (2017). Lifelong learning tendencies of prospective teachers. *Journal of Education and Practice*, 8(12), 1–8. Retrieved from <http://ezproxy.lib.uconn.edu/login?url=https://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=EJ1140623&site=ehost-live>
- Hazwani Hasami & Nor Aishah Buang. (2018). Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) terhadap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Pelajar Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 51(1)(2018): 89-106.
- Ibrahim, M., Ibrahim, A. Z., Maamor, S., & Samsi, A. (2015). Pengajaran dan pembelajaran (P&P) ke arah melahirkan modal insan kelas pertama. *Journal of Holistic Student Development*, 2(1), 12-22.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2015b. Pembelajaran abad ke-21 : Amalan dan pelaksanaan di sekolah. *Buletin Anjakan*. Retrieved from [http://www.padu.edu.my/files/Anjakan Bil 4](http://www.padu.edu.my/files/Anjakan_Bil_4) (2015) Final.pdf.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2015. Dimuat turun daripada <https://rb.gy/hbzkm>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2016). Pelan induk pembangunan profesionalisme keguruan (PIPPK). Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-53.
- Najwa Humaira' Mat Nor & Nik Mohd Rahimi. (2022). Inovasi guru dalam pengajaran membantu meningkatkan penguasaan kosa kata murid dalam Bahasa Arab di sekolah. *Jurnal ILMI*, 12(1), (halaman 38-47).
- Ngongo, V. L., Hidayat, T., & Wiyanto, W. (2019). Pendidikan di era digital. Prosiding Seminar Nasional Program Pascasarjana Universitas PGRI Palembang.
- Noor Shamshinar Zakaria & Nor Azhan Norul'azmi. (2022). Faktor motivasi pembelajaran sepanjang hayat terhadap peningkatan kompetensi pengajaran Bahasa Arab era endemik. *Jurnal Pengajian Islam*. Issn: 1823 7126. E-Issn: 0127-8002. 2022, Vol. 15, Isu 2, (halaman 49-62).
- Nor Mohamad Zuhairi Ismail, Jamalul Lail Abdul Wahab & Ruzita Md Hassan. (2016). Kepuasan kerja guru dan perbezaannya berdasarkan pencapaian sekolah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (1), (pp. 49-54). ISSN 0128-2735.
- Norazlinda, S., & Surendran, S. (2019). Kelestarian pembangunan profesionalisme guru dalam pembelajaran sepanjang hayat. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22, 11 22. <https://doi.org/10.32890/jps.22.2019.12678>
- Norazwa Binti Ahmad Zolkifli @ Uda (2003). *Mengenalpasti Faktor Motivasi dalam Mempengaruhi Proses Pembelajaran Kendiri Pelajar: Tinjauan di Sekolah Menengah Teknik Persiaran Brash dan Lebuhr Catur, Ipoh Perak*. [Projek Sarjana dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)]. Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Nurul Farhana Jumaat (2018). Peranan teknologi dalam pembelajaran abad ke-21. *Dewan Masyarakat*, 10, 28-31
- Rosezelenda Abdul Rahman. (2020). *Faktor Penglibatan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Selangor*. [Ijazah Sarjana Pendidikan (Perancangan dan Pentadbiran)]. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

- Sylviano Abu Bakar & Hasmadi Hassan. (2019). Tahap kepengetahuan guru-guru pendidikan islam terhadap penggunaan teknologi mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(6): 82–89.
- Tawan, A., Nazarudin, M. N., Noordin, Z., Tu, M. M., & Watinin, N. (2020). Hubungan motivasi, kecerdasan emosi dan efikasi dengan kepuasan kerja guru di sekolah rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1), 1-12.
- Zurani Buang, Mohamad, M.M. (2019). Kolaborasi dan komunikasi dalam kelestarian pembelajaran sepanjang hayat. *Online Journal For TVET Practitioners*. Vol.4 no. 2 (2019) 105–113.